

# Mantapkan akidah golongan belia

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, KHEU telah menetapkan haluan dasarnya dengan menjadikan *maqasid syariah* sebagai pegangan dalam memelihara ugama dan akidah umat Islam di negara ini melalui strategi dan dasar yang mencakupi bidang-bidang pendidikan; dakwah dan syiar; pengurusan haji dan umrah; pengurusan zakat, wakaf dan baitul mal; hal ehwal masjid; penggubalan undang-undang dan penguatkuasaan; hal ehwal syariah dan pentadbiran.

Bertitik tolak daripada itu, kata Yang Berhormat, kementerian berkenaan menggariskan bidang fokus strategik bagi menandai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai peneraju dalam bidang keagamaan sebagai berikut pendidikan ugama berkesan, dakwah mantap, kedaulatan undang-undang syariah, keselamatan sosial terjamin, pemakanan dan barang guna halal dan suci dan perkhidmatan pentadbiran berkualiti dan cemerlang.

"Pencapaian daripada objektif tersebut dapat dilihat melalui indikasi-indikasi yang telah ditetapkan atau juga disebut sebagai KPI (Key Performance Indicator). Contohnya, pendidikan ugama berkesan dalam bacaan Al-Quran dan menunaikan sembahyang serta penguasaan fardu ain oleh pelajar.

Begitu juga pemantapan pegangan akidah bagi belia-belia masjid dan belia-belia daie melalui ceramah dan aktiviti masjid dan Pusat Da'wah Islamiah," katanya.

Yang Berhormat menambah, sepanjang tahun 2017 ini dari Januari hingga Oktober, aktiviti-aktiviti dan program-program kebeliaan bagi membimbing belia ke arah pemahaman dan penghayatan ajaran Islam yang lazim diamalkan di negara kita ini telah digiatkan.

Dalam bidang pendidikan katanya, memfokuskan beberapa perkara berikut antara lain meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Arab dan ugama melalui program kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, UNISSA dan KUPU SB.

Selain sasaran peningkatan

peratus konsisten peperiksaan awam 2017 dan 2018, Yang Berhormat menegaskan, KHEU sedang mengemas kini pembelajaran persekolahan Arab melalui sebuah Jawatankuasa Hala Tuju Sekolah Arab.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Sesi Muzakarah diikuti dengan sesi dialog di antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan KHEU.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (dua, kanan) semasa berucap pada Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di bangunan baharu kementerian berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada majlis tersebut.

# Melestari bahasa Melayu sebagai khazanah



PANEL forum terdiri daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (kanan); Pengarah Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Yabit bin Alas (dua, kiri) dan mantan Pengarah Akademi Pengajian Brunei, UBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim (dua, kanan).



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (dua, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Perdana Bahasa sempena Bulan Bahasa 2017.

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 November. - Dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan melestarikan bahasa Melayu sebagai khazanah yang mencerminkan identiti sesebuah bangsa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Forum Perdana Bahasa sempena Bulan Bahasa 2017.

Forum yang diadakan sempena menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa tersebut berlangsung di Dewan Wafa, Kompleks Annajat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Forum yang membincangkan 'Bahasa Melayu Bahasa Kita'

itu dipengerusikan oleh Dayang Hajah Sariyani binti Haji Ishak.

Panel forum terdiri daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad; Pengarah Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Yabit bin Alas dan mantan Pengarah Akademi Pengajian Brunei, UBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Objekif forum adalah untuk

menyusupkan rasa pemilikan yang kuat terhadap bahasa Melayu, ini kerana penggunaan bahasa Melayu itu perlu terus relevan selaras dengan tuntutan arus pembaharuan yang dibawa oleh dunia masa kini.

Forum juga dihasratkan untuk membawa masyarakat kita (sesiapa sahaja sama ada orang-orang perseorangan, warga Perkhidmatan Awam, mereka yang bekerja di kaunter, restoran, kedai, golongan belia, usahawan, para

pelajar, pegawai beruniform dan lain-lain) untuk sama-sama melihat, memikirkan dan menggambarkan masa hadapan bahasa Melayu dalam satu diskusi ilmu tentang isu-isu yang timbul terhadap penggunaan bahasa Melayu di negara ini.

Beberapa kegiatan sampingan juga telah disediakan oleh DBP di sepanjang tahun, antaranya ialah Syarahan MABBIM dan Peraduan Menulis Esei Ilmiah Bahasa 2017.